

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, January 8, 2020 10:44 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Noor Azman B Yusof; Roslina Binti Abdullah
Subject: GARIS PANDUAN PROGRAM BERBENTUK PERNIAGAAN ANJURAN PUSAT TANGGUNGJAWAB UUM
Attachments: SURAT HEBAHAN NEW.pdf



8 JANUARI 2020, RABU | 12 JAMADILAWAL 1441H



PUSAT PENGINAPAN PELAJAR
STUDENT ACCOMMODATION CENTRE (SAC)
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARULAMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 4150
Faks (Fax): 604-928 4175
Laman Web (Web): www.uum.edu.my

Ruj. Kami: UUMHEP/SAC/K5
Tarikh: 09 Disember 2019
11 Rabiulawal 1441H

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Utara Malaysia.

Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan

**HEBAHAN GARIS PANDUAN PROGRAM BERBENTUK PERNIAGAAN ANJURAN
PUSAT TANGGUNGJAWAB UUM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU Ke 243 Bil. 3/2018), memutuskan bahawa Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) melalui Pusat Penginapan Pelajar (SAC) diberi tanggungjawab dalam urusan operasi bagi semua premis perniagaan di dalam kampus mulai 3 Februari 2019 termasuk operasi perniagaan bersifat sementara.

3. Semua aktiviti berbentuk perniagaan sementara seperti Hari Terbuka, Karnival, Festival, *Food Truck* dan sebagainya yang bakal dianjurkan oleh jabatan Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan perlu mendapatkan permit sementara yang akan dikeluarkan oleh pihak SAC.

4. Sehubungan itu semua permohonan berkaitan boleh dimajukan kepada SAC melalui borang yang disediakan bersama surat kelulusan program sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum berlangsungnya program.

BIL	PERKARA	LOKASI
1.	Hari Terbuka, Karnival, Festival, <i>Food Truck</i> , <i>Car Boot</i>	Di dalam Bangunan Pentadbiran Universiti, Inasis, Parking, Dataran dan semua kawasan lain
2.	Gerei sementara; Promosi dan jualan	Dewan Kuliah
3.	Pemasangan Banner/Streamer/Iklan	Seluruh kampus kecuali Persisiran Perdana
4.	Membawa masuk bas luar ke dalam kampus	-

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



5. Selain daripada sebagai kawalan penajaan sumber kewangan kepada Universiti, langkah ini juga adalah sebagai satu usaha menyahut seruan ke arah *Green Campus*. Kegagalan dan keingkaran pihak Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan akan direkodkan dan dibentangkan di peringkat pengurusan Universiti.

6. Dilampirkan bersama dokumen-dokumen berkaitan untuk perhatian dan tindakan pihak jabatan Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

"ILMU, BUDI, BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA DR. HENDRIK LAMSALI
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Universiti Utara Malaysia

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut berkenaan hal tersebut bolehlah berhubung terus dengan kami di Seksyen Penginapan dan Operasi Perniagaan, Pusat Penginapan Pelajar (SAC) di talian 4184, 4181 dan 4169.

Sekian, terima kasih.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.